



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan berangkat ka-London

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dan rombongan telah berangkat ka-London pada hari Ahad lepas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, dengan diperhatikan oleh D.Y.M.M., sedang berjabat salam dengan Juruiring Tentera dibawah D.Y.M.M. yang telah mengucapkan selamat belayar kepada Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan. Di-kanan sekali ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar.

Turut menyertai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ka-London ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim dan Yang Di - Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato' Setia Dr. P. I. Franks.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan rombongan telah menaiki kapal terbang khas kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad menuju ka-Singapura.

Istiadat menutup Gendang Jaga2 bagi Istiadat Mengarak Y. T. M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir

BANDAR BRUNEI. — Istiadat menutup Gendang Jaga2 bagi Istiadat Mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar telah berlangsung di-Balai Pemajangan Indera Kenchana Istana Darul Hana Bandar Brunei hari Khamis lepas.

Istiadat menutup Gendang Jaga2 itu di-dahului dengan bacaan zikir, yang kemudiannya di-ikuti dengan tembakan meriam sa-banyak 17 das, yang menandakan tamat-nya Istiadat Mengarak itu yang berlangsung selama dua minggu bermula pada 29 Januari lalu.

Istiadat itu di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Kadhi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama

Awang Haji Mohamad Zain bin Haji Serudin.

Di-antara yang hadir di-Istiadat Menutup Gendang Jaga2 itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Amat Mulia Cheteria2; Yang Di-Muliakan Pehin2 dan orang2 bergelar.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, telah menjunjong anugerah, atas pengurniaan gelaran Pengiran Perdana Wazir, yang telah di-anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir telah menyampaikan sabda bagi menjunjong kurnia gelaran tersebut di-Istana Darul Hana, pada petang itu.

Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir dalam sabda-nya akan berhati2 menjalankan tugas dan akan menumpukan sa-penuh tenaga bagi memberikan kerjasama kepada kerajaan baginda, demi untuk kebaikan dan kesejahteraan negeri Brunei Darussalam.

Yang Teramat Mulia itu juga mengucapkan terima kaseh kepada semua Jawatankuasa Istiadat Mengarak dan kepada seluruh ra'ayat Brunei yang telah turut beramai2 bagi mera'ikan sepanjang Istiadat itu.

(Sabda sapenoh-nya di-siarkan dimuka 5)

SELAMAT BELAYAR

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar kepada rombongan Duli Yang Teramat Mulia itu.

Turut juga mengucapkan selamat belayar kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan rombongan itu ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Di-Brunei, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ketua2 Jabatan dan Pehin2.

Pendaftaran untuk tunaikan haji pada tahun depan

BANDAR BRUNEI. — Borang pendaftaran untuk menunaikan fardhu haji bagi tahun depan boleh-lah di-dapati mulai hari Isnin 16 Februari lepas.

Sa-orang juruchakap Bahagian Urusan Haji Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei berkata bahawa borang2 tersebut boleh-lah di-dapati dari Bahagian Urusan Haji, Pejabat Hal Ehwal Ugama Bandar Brunei dan di-Pejabat2 Kadhi Daerah, Kuala Belait, Tutong dan Temburong.

Juruchakap itu menambah kata bahawa hari pendaftaran akan mula di-buka pada hari Khamis esok, 19 Februari, 1970.

Juruchakap itu juga berkata semasa mendaftar, surat2 beranak dan kad pengenalan mesti-lah di-bawa bersama.

Juruchakap itu juga meminta supaya bakal2 haji membawa tiga keping gambar paspot untuk pendaftaran kapal laut

dan sa-keping gambar untuk pendaftaran menunaikan fardhu haji dengan kapal terbang hendak-lah di-hantar bersama2 dengan borang permohonan itu.

Borang2 permohonan yang di-isikan hendak-lah di-hantar ka-tempat2 yang tertentu tidak lewat 24 Mei ini.

Pada tahun ini sa-ramaj 391 orang telah menunaikan fardhu haji, 244 orang di-antara-nya telah menunaikan fardhu haji dengan menaiki kapal laut.

Pembinaan lapangan terbang antara bangsa Brunei di-mulakan

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 penyiasatan awal dan membersekan kawasan di-lapangan terbang antara bangsa Brunei di-Berakas sudah pun selesai.

Ini telah di-nyatakan oleh Awang G. Wilson, jurutera resident sharikat2 Scott, Wilson, Kirk Patrick dan Rakan2 yang mereka dan mengawasi kerja2 pembinaan lapangan tersebut bagi pihak kerajaan.

Awang Wilson berkata, kerja2 penggalian tanah di-kawasan paya yang di-mulakan dalam bulan Oktober tahun lalu sedang berjalan lancar. Kerja2-nya pada satu masa telah terganggu oleh hujan, tetapi bila cuaca baik dalam masa tiga atau empat minggu, langkahkan memulakan kerja2 kaatas landasan kapal terbang itu, mungkin dapat di-laksanakan.

Kerja2 pembinaan longkang untuk mengalirkan ayer dari kawasan bertakong ka-sungai Berakas juga berjalan lancar.

Awang Wilson berkata, kerja2 mengangkut tanah di-komplek bangunan lapangan terbang yang di-chadangkan itu baru di-mulakan, sa - telah kontrak di-berikan kepada sharikat Sin Yen.

Kata-nya, projek tersebut memperoleh batu2 tempatan yang belum di-hanchorkan dari tempat galian batu sharikat tersebut di-Temburong.

Seluruh projek tersebut, termasuk pembelian tanah, kerja2 kerana perumahan dan lain2-nya di-anggarkan menelan belanja \$50.9 juta. Ini termasuk \$5 juta kerana bangunan di-lapangan terbang itu.

Apabila siap, lapangan terbang baru itu akan merupakan yang paling moden di-antara lapangan2 terbang di-dunia dan boleh menerima pendaratan kapal2 terbang jet Supersonic dan Jumbo.

pudin, d/a Pejabat Bandaran, Brunei; dan Awangku Zainal bin Pengiran Bustaman, d/a Pejabat Pelajaran Brunei.

Borang2 ini mesti-lah di-kembalikan tidak lewat pada 19 Februari, 1970.

Tiket2 masuk berharga \$1.00 dan 50 sen boleh di-beli dari ahli2 BAHTRAMU.

Di-samping peraduan itu akan juga di-persembahkan sa-buah drama yang berhabitat dengan Hari Raya Aidil Adha.

Pembekalan batu kelikir

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah memberikan tender bagi bekalan batu2 kelikir tempatan yang belum di-hanchorkan kepada Butir Sendirian Berhad dan Haji Abdul Rahman bin Kilali.

Kontrak tersebut ia-lah bagi pembekalan 40,000 tan batu kelikir 20,000 tan daripadanya akan di-bekalkan oleh Butir Sendirian Berhad sementara 20,000 tan lagi oleh Haji Abdul Rahman bin Kilali.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata, batu2 itu akan di-gunakan terutamanya bagi pembinaan dan pemeliharaan jalan2 raya di-Brunei.

Tahun lalu, satu lagi tender yang berharga kira2 \$5,000 ringgit telah di-berikan kepada Butir Sendirian Berhad dan pembekalan-nya dalam kontrak itu berakhir dalam bulan Nobember yang lalu.



Gambar atas menunjukkan Awang Hassan (di-tengah2) bergambar bersama2 dengan pegawai2 Rotary Bandar Brunei sa-belum berlepas meninggalkan lapangan terbang menuju ka-Australia.

Awg. Hassan berpeluang lawat Australia

BANDAR BRUNEI. — Awang Hassan bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yusof telah berlepas ka-New South Wales, Australia pada 10 Februari lepas untuk lawatan sa-lama dua bulan sa-bagai sa-orang daripada ahli2 rombongan pertukaran pelajaran Kelab Rotary Antara Bangsa.

Awang Hassan telah di-chalunkan oleh Kelab Rotary Bandar Brunei dan telah di-pileh oleh Pegawai2 Rotary di-Kuala Lumpur untuk menyertai perwakilan daripada Kelab2 Rotary Antara Bangsa di-Tenggara Asia.

Sa-masa lawatan itu yang di-anjarkan oleh Kelab Rotary Antara Bangsa, Awang Hassan dan ahli2 rombongan tersebut akan menjadi tetamu kepada ahli2 Rotary di-Australia.

Mereka akan melawat sekolah2, sharikat2 perdagangan dan perniagaan, kilang2, ladang2 serta mempelajari berbagai2 aspek pekerjaan kebajikan masyarakat di-sana.

Rombongan itu akan juga mengadakan perbincangan dengan Pegawai2 Kerajaan dan ahli2 perniagaan sa-masa lawatan tersebut.

27 orang chalun masuk pereksa

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh tujuh orang chalun akan mengambil peperiksaan Institute City and Guilds London yang akan di-adakan dalam bulan Mei dan Jun tahun ini.

16 orang chalun ada-lah dari Daerah Brunei Muara dan lain-nya dari Seria.

Mata2 pelajaran yang akan

di-ambil oleh chalun2 itu ia-lah kursus Juruteknik Talikom dan kejuruteraan Letrik.

Peperiksaan itu akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei bagi chalun2 di-Daerah Brunei Muara dan Maktab Anthony Abell di-Seria bagi chalun2 Daerah Belait.

Peraduan pukolan hadhrah anjoran BAHTRAMU

BANDAR BRUNEI. — Badan Hadhrah Tunas Raja Muda BAHTRAMU akan menganjorkan Peraduan Pukolan Hadhrah dan Peraduan Membacha Sajak yang akan di-langsungkan di-Dewan Pusat Belia, Bandar Brunei pada 28 Februari mulai jam 7.30 malam.

Setia Usaha Agong Bahtramu, Awangku Mohamad bin Pengiran Sarpudin berkata peraduan2 ini ada-lah terbuka kepada persatuan2 Belia dan Kebajikan kampong2, maktab2 dan orang perseorangan di-Daerah Brunei/Muara.

Peraduan2 tersebut akan di-adakan untuk sempena menyambut Hari Raya Haji.

Borang2 peraduan boleh di-dapati daripada — Awangku Mohamad bin Pengiran Sar-

Kembali sa-telah jalani kursus

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Ukur Brunei telah kembali ka-tanah ayer dari Malaysia Barat pada minggu sa-lepas telah tamat latihan selama tiga bulan di-Pejabat Ukur Malaysia Kuala Lumpur.

Mereka ia-lah Awang Yunus bin Noh dan Awang Othman bin Safar. Semasa latihan, kedua2 orang pegawai itu di-tempatkan di-bahagian kerja luar jabatan tersebut.

Lima orang pegawai lain-nya yang pergi bersama mereka tiga bulan dulu, masih lagi menjalani latihan di-ibu kota Malaysia itu.

Dua dari mereka sekarang di-tempatkan di-bahagian mengira sementara tiga lain-nya di-tempatkan di-Pejabat Melukis Pusat.

KHUTBAH HARI RAYA HAJI

SEKARANG ini, bera-tus2 ribu umat Islam sedang berkumpul di-Mekah Al - Mukaramah kerana menunaikan ibadat haji, ia-itu rukun Islam yang kelima. Mereka datang dari seluruh pelusok dunia Islam kerana menunaikan perintah Allah Subahanahu-wataala sesuai dengan firman Tuhan dalam suratul Haj ayat 27 hingga 29 yang bermaksud:

“Beri tahukan kepada manusia mengenai dengan ibadat haji, neschaya mereka itu datang berkunjung kepada engkau dengan berjalan kaki dan menunggang kenderaan dari tiap2 jalan (negeri) yang jauh, supaya mereka itu menghadhiri dan memperoleh munafaat2 untuk mereka supaya mereka menyebut dan membesarkan nama Allah Subahanahu-Wataala, pada beberapa hari yang di - tentukan di-atas apa yang telah di-kurnia-kan oleh Allah kepada mereka dari daging ternakan, maka makan-lah sa-bahagian daripadanya dan beri makan-lah sa-bahagian daripadanya kepada orang melarat dan fakir miskin, kemudian supaya mereka membuang segala kekotoran mereka dan supaya mereka menyempurnakan korban mereka (nazar) mereka supaya mengerjakan tawaf mengelilingi ka’abah yang mulia.”

Di-riwayatkan bahawasa-nya apabila Saidina Ibrahim a.s. telah selesai menyempurnakan pembenaan ka’abah, maka datang-lah perintah daripada Allah supaya Saidina Ibrahim berkata:

“Ya Allah, bagaimanakah chara-nya suara saya akan sampai dan di-dengari oleh seluruh manusia”. Maka Allah menyuruh-nya juga supaya membuat seruan yang sa-demi-kan manakala penyampaian-nya pada seluruh manusia adalah terserah kepada Allah. Maka Saidina Ibrahim pun mendaki bukit Abi Quabayas dan berseru:

“Wahai manusia, bahawasa-nya Allah memerintahkan kamu supaya kamu berkunjung ka-Ka’abah dan mengerjakan ibadat haji dan kamu akan mendapat ganjaran-nya ia-itu shorga dan kamu akan di-pelihar-kan oleh Allah daripada azab neraka, oleh itu hendak-lah kamu mengerjakan haji”.

Seruan itu di-jawab oleh beneh manusia yang masih belum lagi lahir ka-alam nyata dengan jawapan la-baik-kal-lah-humma-la-baik.

TANDA2 IBADAT HAJI YG. DI-TERIMA ALLAH

Allah hu akhbar, Allah hu akhbar, Allah hu akhbar.

Saudara2 kita yang sedang berada di-Mekah itu pada lazim-nya meninggalkan kota Mekah menuju ka - padang ARFAH pada 8 Zul-Hijjah dengan memakai kain Ehram ia-itu pakaian yang rasmi bagi bakal2 haji. Mereka berada di-sana dengan penoh khusu’ dan tawado’ kerana mengerjakan rukun haji yang maha penting ia-itu wukub di-Arfah pada 9 haribulan Zul-Hijjah. Pada 10 haribulan Zul-Hijjah jemaah2 haji itu akan beredar meninggalkan Arfah menuju ka-

ngan, penoh khusu’ dan tawado’ mengerjakan ibadat haji ia-itu rukun Islam yang kelima. Mereka mengharapkan dan kita semua ada-lah berdo’a semoga amalan haji mereka itu di-terima oleh Allah Subahanahu-Wataala sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Haji yang mabrur” (di-terima) itu tidak ada balasan-nya selain dari shorga”.

Haji mabrur ia-lah haji yang di-terima oleh Allah Subahanahu Wataala ia-itu amalan ibadat haji yang di-tunaikan

“Haji yang mabrur itu tidak ada balasan-nya selain dari shorga”

Mudalaph. Di-sana mereka akan berada hingga “luput” tengah malam, sesudah itu mereka akan beredar menuju ka-Mena untuk mengerjakan Jamratul-akabah (melimpah batu). Sesusudah itu mereka akan berchukur atau menggantung rambut untuk membolehkan mereka dalam keadaan yang di-istilahkan tahal-lu-awal. Sesusudah itu mereka akan bera ia tiga hari atau pun sa-chepat2-nya dua hari di-Mena kerana mengerjakan Jamrah (melimpah batu) yang di-tentukan. Sesusudah itu mereka akan beredar meninggalkan Mena menuju ka-Mekah kerana menyempurnakan ibadat haji dengan mengerjakan tawaf dan sa’ae.

Allah hu akhbar, Allah hu akhbar, Allah hu akhbar.

Kita pada hari ini bersama2 membesarkan Allah dengan ge-ma takbir dan tahmit dan bermohon kepada Allah Subahanahu-Wataala supaya di-hari yang mulia ini segala dosa kita di-beri-nya keampunan dan menanamkan semangat baru untuk terus mengabdikan diri kepada Allah dan membentuk diri kita untuk menjadi orang2 Islam yang jujur dan setia kepada ajaran Allah.

Di-hari yang mulia ini, saudara2 kita yang berada di-tanah suchi sedang sibok de-

telah bertaubat NASUHA ia-itu menyesali akan segala perbuatan yang jahat yang di-larang oleh Allah yang telah di-lakukan-nya, dan memohon keampunan dari Allah serta berazam tidak akan kembali melakukan perbuatan2 yang ma’asiat itu, menyelesaikan hutang, menyediakan nafkah bagi orang2 yang di-bawah tanggungan-nya, mengembalikan kepada yang berhak perkara2 atau barang2 yang di-amanahkan kepada-nya, membawa beserta-nya harta yang halal yang menchukopi untuk-nya pergi dan balek. Semasa mengerjakan amalan ibadat haji itu segala fikiran dan hati-nya tertumpu kepada menunaikan ibadat tersebut, tabah dan sabar menempoh segala dugaan, baik hati dan pemurah dengan tidak bakhil atau membazir.

Tanda yang paling nyata berhubung dengan ibadat haji yang di-terima oleh Allah itu ia-lah apabila selesai sa-seorang itu mengerjakan ibadat haji, ia-akan meninggalkan segala perbuatan2 yang ma’asiat, dan berjalan menurut ajaran2 yang di-redhai oleh Allah, sentiasa bershukor di-atas nikmat Allah yang di-terima-nya dengan tidak mengabaikan usaha2 bagi menchapai kemuliaan yang di-redhai oleh Allah baik di-dunia mahupun di-akhirat.

Allah hu akhbar

Allah hu akhbar

Allah hu akhbar

Bersempena dengan hari yang mulia ini, mari-lah kita berdo’a semoga saudara2 kita yang sedang menunaikan ibadat haji di-Mekah itu akan di-terima segala amalan ibadat itu oleh Allah dan semoga Allah akan membukakan hati kita untuk menyahut seruan-nya bagi mengerjakan ibadat haji di-tahun2 yang akan datang.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18 Feb. 1970 hingga ka hari Selasa 24 Feb. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
18 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
19 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
20 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
21 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
22 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
23 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
24 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma’at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



18hb. Februari 1970

FAKTOR2 PENTING UNTOK MAJU

UNTOK memesatkan kemajuan kita agar lebih bermakna dan dapat mendaftarkan nikmat2 yang menjadi hasrat kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka ada-lah sangat perlu di-siapai tubuh badan raayat negeri ini menyedari akan tanggung-jawab masing2 — memikul peranan masing2 dengan penoh churahan khidmat yang jujur dan amanah demi untuk kepentingan keselamatan dan keharmonian nama negara kita yang tunggal.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam titah "Selamat Hari Raya" dalam tahun 1968 telah menyeru seluruh raayat supaya membarui azam dan keperchayaan menumpukan keyakinan untuk terus melaksanakan perkara2 yang bermunafaat, berfaedah dan berguna pada mengabdikan usaha2 bagi mempertahankan keselamatan Negeri Brunei, mengawal keamanan dan ketenteraman-nya.

Titah Baginda yang menyebut "membertahankan keselamatan Negeri Brunei", tidak-lah semata2 membawa makna untuk mempertahankan negeri ini dari serangan2 musuh, tetapi ada-lah meliputi kepada menyalamatkan raayat dan negeri ini dari terjerumus kepada kemerosutan hidup, kemunduran negara dan kepapaan.

Kerana itu, Baginda menekankan "tanpa ilmu pengetahuan, laila pengalaman, kejujuran, keikhlasan dan amanah, walau sabesar2 usaha pun tidak ada kemungkinan-nya akan sabener-nya membuahkan nikmat kebajikan laila bahagia.

Faktor2 yang di-sebutkan Baginda seperti ilmu pengetahuan, kejujuran, keikhlasan dan amanah itu ada - lah merupakan tulang belakang yang dapat menentukan tiap inchi kemajuan yang akan di-chapai dalam bidang apa sekali pun. Sebab itu, walau bagaimana rapi-nya susunan kemajuan2, walau bagaimana rakas-nya di-chipta jika tidak "di-dangani" dengan faktor2 penting yang di-sebutkan Baginda itu, maka ada-lah amat sukar untuk menentukan bahawa yang di-rencanakan itu akan terlaksana dengan lalin dan penoh berjaya.

Melanjutkan titah itu, Baginda memberi amaran: "usaha dan pengorbanan yang memeningkan kepentingan persaorangan yang tidak ambil indah terhadap kepentingan2 negeri yang mempunyai isi dalam-nya ada-lah satu perkara yang tidak sabaru-nya elok di-amalkan — dan chara yang demikian jangan di-perchayai".

Dari titah itu, yang merupakan detik2 peristiwa yang amat berfaedah untuk tatapan segala peringkat raayat di-negeri ini, maka dapat-lah di-fahamkan betapa tidak di-ingini sama sekali akan usaha2 yang tidak "di-sulai" dengan penyertaan khidmat yang di-luahkan dari rasa penoh kejujuran.

Usaha dan khidmat yang lahir dengan penoh kejujuran itu, memang di-perlukan untuk negara yang sedang membangun dan yang telah maju.

BRUNEI DENGAN PERKEMBANGAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

PERTANIAN

KEPERLUAN kapada usaha2 pertanian dalam sa-puluh tahun atau lebih yang lalu salah2 tertinggal di-Negeri Brunei ini. Keutamaan untuk memperoleh keamanan (sa-telah meletus-nya penderhakaan tahun 1962), perhubungan raya yang baik, bidang pelajaran dan kesihatan, di-beri keutamaan. Di-sabua negeri Islam seperti Brunei ini perkembangan agama Islam sa-bagai agama rasmi, telah di-biayai dengan baik-nya oleh Perbendaharaan Negara. Sejak sa-tahun atau dua tahun yang lampau baru di-sedari bahawa kekayaan minvak ini menyebabkan penduduk2 desa neninggalkan kerja2 berchuchok tanam untuk menchi kerja2 dengan Kerajaan atau di-sharikat2 persendirian.

Lapan puluh peratus (80%) dari makanan utama — yakni beras — begitu juga di-bidang binatang ternakan, (kerbau, lembu, babi dan ayam) serta sa-bahagian dari buah2an dan sayor2an, di-impot dari luar negeri. Hasil getah asli juga kian merosot, di-tahun2 kebelakangan ini. Satu langkah untuk memperbaiki ketidak-simbangan ini ia-itu dengan menjadikan perusahaan ini lebih menarek kapada petani2 dengan menetapkan harga2 yang memuaskan dari hasil2 kerja2 mereka. Langkah lanjut yang dapat di-ambil ia-lah meliputi-gandakan usaha Jabatan Pertanian yang sa-harus-nya di-kendalikan oleh anak2 negeri yang berkelayakan.

Sa-bagai langkah pertama, Kerajaan Brunei telah menggabungkan diri dengan firma persendirian untuk mengadakan Penyelidikan Tanah yang bila selesai nanti akan menunjuk kawasan2 yang sesuai untuk pertanian. Perkembangan pertanian masa depan dengan jalan ini boleh di-ran-chang. Chadangan2 untuk mengadakan sa-buah pusat Penyelidikan Pertanian dan Stesen Kurantina Ternakan pada dasar-nya telah pun di-per-setujui. Lebih daripada 300 orang peladang2 di-musim padi tahun 1967 dan 1968 untuk pertama kali-nya telah pun diberikan baja perchuma untuk

Rencana ini telah di-siarkan melalui Radio Brunei dalam ranchangan Laporan Negara dan di-padankan dari majalah "The New Commonwealth" keluaran bulan Mach, 1969.

padi paya yang menggunakan sistem pengaliran dan tali ayer dan lebih dari 400 orang petani telah menggabungkan diri dalam Ranchangan Bantuan Ternakan Ayam.

Ranchangan ini bertujuan untuk membantu pengusaha2 kecil, membekalkan petani2 dengan 50 ekor ayam yang sehat2 dan juga makanan ayam dalam tempoh masa empat bulan; bukan bertujuan untuk menambah perusahaan2 telur untuk di-perniagaan tetapi sa-kadar membantu penternak2 menyediakan makanan binatang2 dengan makanan2 yang banyak mengandung zat protein yang bermutu, dan membekalkan baja untuk sayor2an dan pokok2 buah.

Binatang2 kerbau dan kambing telah di-impot dari Malaysia Barat dalam tahun 1968 dan enam ekor lembu jenis Santa Gerdudis (dua ekor jantan dan 4 ekor lembu betina yang belum beranak) yang di-impot dari Australia.

PERIKANAN

Penasihat Perikanan Kerajaan British, sa-lepas kunjongan yang pindek ka-Brunei dalam tahun 1947 menganggarkan jumlah penangkapan ikan dan udang di-Brunei sa-banyak 368 tan, dan menyatakan bahawa kapal2 penangkap ikan hanya menggunakan dayong, pengayoh dan layar.

Ketika ini sa-telah 22 tahun berlalu hanya sa-bilangan kecil sahaja kapal penangkap ikan yang tidak menggunakan injin outboard yang menggunakan tenaga jentera dan perolehan mereka berjumlah sa-banyak dua ribu tan. Pertambahan ini di-chapai dari usaha yang berlipat ganda dan dengan bantuan sa-bahagian besar-nya dari alat2 penangkapan ikan yang biasa.

Kawasan2 ini barangkali memberikan sa-jumlah besar ikan2 yang di-kehendaki dan jika penghasilan ikan di - Brunei ini menyaimbangkan dengan jumlah raayat-nya yang bertambah ini, kawasan menangkap ikan yang baru hendak-lah di-chari dan terpaksa menggunakan chara2 penangkapan ikan yang moden dan alat2 perikanan yang lebih baik.

Jabatan Perikanan di-tubuhkan di-Brunei dalam tahun 1966. Sa-telah memikirkan kedudukan perusahaan ikan Brunei dewasa ini penyelidekan ka-atas perayeran sa-luas 35 hingga 55 batu dari pantai Brunei menjadi masaalah yang utama. Walau pun penyiasatan yang pernah di-lakukan dulu membuktikan bahawa tidak akan terdapat penangkapan ikan yang banyak untuk di-perdagangkan tetapi penyiasatan yang di-lakukan baru2 ini di-kawasan yang sama di-sebelah Selatan Laut China menunjukkan bahawa perchubaan

yang lalu itu di-lakukan dengan menggunakan alat2 yang tidak sesuai dengan keadaan tempatan.

Jadi-nya telah di-putuskan untuk menyiasat kawasan perayeran yang lebih jauh lagi telah di-persetujui, dan sa-buah alat kenderaan penangkap ikan yang menggunakan pukat yang di-sewa untuk kerja2 ini dalam tahun 1968. Hasil2 yang sungguh memuaskan telah di-perolehi sa-lama lapan minggu dalam kerja2 itu. Walau pun kebanyakan boleh-lah di-katakan yang penangkapan ikan dengan menggunakan jaring seperti itu akan menghasilkan ikan2 yang bermutu dalam jumlah yang banyak.

Dengan berlandaskan penyelidekan itu Jabatan Perikanan men-chadangkan untuk membeli beberapa buah pukat untuk kerja2 perchubaan lanjutan dan untuk melateh penangkap ikan tempatan. Juga di-chadangkan dalam rangka kerja empat tahun sekali untuk ranchangan kemajuan perikanan laut di-Brunei, mengadakan sa-buah pertubuhan pemasaran ikan dan kerjasama penangkap2 ikan bagi menyatupadukan penangkap2 ikan tempatan dalam perusahaan ikan yang di-chadangkan itu.

Di-harapkan jikalau ranchangan ini di-terima oleh Kerajaan ia akan menambahkan penghasilan ikan di-Brunei dengan sa-chukup-nya di-masa hadapan nanti. Dewasa ini 40 peratus dari ikan yang di-beli adalah ikan2 yang di-impot dari luar negeri.

Usaha2 perikanan di-bahagian dalam negeri belum begitu mustahak dewasa ini. Barangkali kurang dari sa-puluh peratus dari penduduk negeri ini tinggal di-pendalaman dan jeraya2, yang menghubungkan daerah2 pendalaman ini belum mencukupi. Tiga buah sungai yang besar di-negeri ini memasuki juga-lah sungai2 kecil dan tali ayer di-gunakan oleh penduduk2 kampung untuk penangkapan ikan di-kawasan dalam negeri. Hasil2 penangkapan di-jangkakan sa-banyak 40 tan sa-tahun.

Pemeliharaan ikan maseh di-jalankan sa-chara kecil2an sahaja, sekali pun terdapat 87 buah kolam2 ikan di-Brunei tetapi seluruh kolam ini ada-lah kolam2 kecil belaka, dan perusahaan ini ada-lah tidak menampakkan apa2 hasil.

Jabatan Perikanan telah memperoleh 14 ekar tanah berdekatan dengan Bandar Brunei untuk membena sa-buah stesen perusahaan ikan yang kecil dan dewasa ini sedang dalam pembinaan.

Bangunan ini di-jangkakan siap dalam tahun ini dan penangkap2 ikan tempatan akan di-tunjukkan chara kolam2 ikan di-bena dan di-usahakan dengan betul. Stesen ini juga akan di-gunakan bagi kerja2 perchubaan dan untuk mengeluarkan anak2 ikan dari ikan2 yang sesuai untuk perbekalan kolam2 tempatan.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran
Perdana Wazir Sahibul Hummah
Wal-Waqar Muda Mohammad
Bolkiah.

SABDA Y.T.M. DULI PG. PERDANA WAZIR BAGI MENJUNJONG KURNIA GELARAN SA-BAGAI KAPALA WAZIR NEGERI BRUNEI DARUSSALAM

BETA mendahulukan ucap Alhamdulillah, banyak2 terima kasih kepada jawatan2 kuasa bagi menguruskan Istiadat Mengarak yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kepada beta dengan gelaran Pengiran Perdana Wazir. Demikian juga beta mengucapkan terima kasih kepada pehak2 dan puak2 yang telah meraikan dan meramai2kan kurnia pada mengarak beta di-sepanjang malam jaga2 dan keramaian hasil jenis2 persembahan di-sumbangan sa-tiap malam dengan meriah itu beta mengucapkan terima kasih kepada pehak2 yang berkenaan.

Beta dengan sukachita dengan melalui churong Radio Jabatan Siaran dan Penerangan yang mana beta pada menyembahkan sembah ke-shukoran di-atas kurnia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan jadi tidak sempat di-siarkan dalam Radio di-Jabatan Siaran dan Penerangan oleh yang demikian bagi makluman raayat yang benar2 chitakan keselamatan, keamanan laila ketenteraman dan laila isi dalam Negeri Brunei supaya berpeluang mendengar sembah beta bagi menjunjung kurniaan gelaran Pengiran Perdana Wazir. Beta Sukachita menyebutkan di-sini ya'ani saperti:

"Peramba mendahulukan mengucap shukur kehadzarat Allah Subahanahu - Wataala menerima kasih ka-atas keberangkatan peramba serta kanda, dinda dan yahanda2 pada menyembahkan dan menyampaikan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-sampiri peramba dengan gelaran Pengiran Perdana Wazir. Dengan limpah pengurniaan gelaran Paduka Yang Di-Pertuan menjadi Pengiran Perdana Wazir kepada peramba, terpaksa-lah peramba menerima-nya dengan penuh keshukoran. Peramba juga menjunjung, peramba kanda, dinda dan yahanda2 menyembahkan kepada Baginda sa-bagai peramba yang tuan peramba, kanda, dinda dan yahanda2 yang ada ini telah mengetahui sangat2 mentah, terutama sekali berkenaan dengan adat istiadat. Oleh itu sekira-nya dan apa2 juga kesilapan peramba pada menjalankan tugas gelaran yang di-kurniakan-nya yang mana Duli Yang Maha Mulia yang lebeh mengetahui keadaan peramba sa-bagai adek bukan hanya di-sireh di-pinang, peramba berse-dia menerima kemurkaan tegoran, peramba juga mengharapn atas nasihat kerjasama dan saingan dari tuan peramba, kanda, dinda serta yahanda2 sekalian. Kurniaan Baginda dengan nama Pengiran Perdana Wazir ada-lah sangat2 berat bagi peramba, peramba berdo'a kepada Allah mudah2an Allah akan memberi ilham petunjuk dan mendorong hasrat hati dan berkeikhlasan serta giat mempelajari dan berhati2 atau menitekberatkan tanggungan peramba pada mendukung arah kebajikan kurnia gelaran kepada peramba. Demikian-lah

(Lihat Muka 8)

Pusat latehan pulis baru di-Jalan Muara

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pulis Di-Raja Brunei telah menubuhkan sa-buah Pusat Latehan yang baru di-bangun-an2 yang asal-nya di-bena sa-bagai sa-buah Sekolah Pertanian, batu 6 Jalan Muara.

Sa-orang juruchapak Pusat Latehan Pulis berkata, kaki tangan dan rekrut2 akan terus di-tempatkan di-bangunan2 di-Jalan Berakas, yang dulu-nya di-gunakan sa-bagai Sekolah Latehan Pulis.

Kata-nya, ada-lah di-harapkan tidak berapa lama lagi untuk menempatkan semua pelat2, rekrut2 dan kaki tangan di-pusat itu ka-Pusat Latehan Pulis yang baru itu.

Pusat tersebut yang sedang di-buah bentok-nya mempu-

nyai kemudahan2 yang baik kerana pelajaran dan penghiboran dengan tempat2 untuk menampung anggota2 - nya yang terhad.

Juruchapak itu berkata, kemudahan2 baru itu akan menambahkan lagi kebolehan Pasokan Pulis Di-Raja memberikan latehan permulaan dan ulang kaji untuk anggota pasokan pulis.

Juruchapak itu berkata, latehan ulang kaji selama dua bulan itu akan terus di-adakan pada tiap2 dua tahun bagi semua anggota pulis yang berpangkat rendah, dan untuk mengadakan beberapa kursus yang lain-nya, apabila sahaja ada kesempatan.

Kembali sa-telah hadhiri kursus

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Pertanian, Awang Abidin bin Awang dan Awang Durahim bin Sagam telah kembali katanah ayer pada hari Ahad lepas sa-telah menghadiri kursus selama satu bulan, anjoran Sharikat Iseki di-United Manufacturers Berhad Kuala Lumpur, Malaysia Barat.

Semasa kursus, mereka telah mempelajari chara2 memelihara dan membaiki jentera2 pembajak, selain dari mempelajari chara memasang jentera2 itu.

Sa-belum pulang ka-Brunei, mereka juga telah melawat ke-berbagai pusat2 tanaman padi di-Malaysia Barat, di-mana mereka menyaksikan chara2 mengetam dan lain2 perkara yang berhubung dengan penanaman padi.

Di-bawah arahan Awang Liew Hock Kin, ketua penyelia teknikal parit dan tali-ayer, kedua2 orang pegawai itu adalah bertanggung jawab ka-atas lima puluh buah jentera pembajak Jabatan Pertanian.

Derma bagi Rumah Orang2 Tua Setia bertambah

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait telah mengutip sa-banyak \$20,046.10 sa-bagai derma dari orang ramai di-seluruh negeri.

Jumlah ini ada-lah yang terbesar sekali, pernah di-perolehi oleh majlis tersebut untuk menyelenggarakan Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Dari jumlah itu, sa-banyak \$9,512.00 di-perolehi di-kawasan Bandar Brunei; \$5,992.50 di-Seria; \$3,756.60 di-pekan Belait dan \$785.00 di-Tutong.

Tahun lalu, sa-banyak \$18,025.41 telah di-kutip.

Pengerusi majlis tersebut Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia Dato P. A. Coates telah mengucapkan terima kasih kepada penderma2 yang bermurah hati kerana menyumbangkan derma kepada tabong Rumah Orang2 Tua sempena menyambut hari ta-

hun baru China itu.

Wang itu ada-lah merupakan satu pertolongan besar untuk mengendali dan memelihara rumah tersebut, yang memerlukan lebeh kurang \$31,000 sa-tahun.

Enam buah persatuan sertai peraduan silat

BANDAR BRUNEI. — Wakil2 dari enam buah persatuan belia di-negeri ini akan mengambil bahagian dalam peraduan silat anjoran Persatuan Angkatan Belia Burong Pinggai Berakas. — PERANGAP sa-bagai satu daripada projek tahunan persatuan itu.

Peraduan yang akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia pada 27 Februari itu juga di-adakan sempena menyambut Hari Raya Haji.

Satu lagi acara dalam persembahan pada malam itu ialah peraduan pakaian asli.

Tiket2 berharga \$1.00 dan 50 sen sekarang sedang di-jual dan ia-nya boleh di-dapati dari Awang Junid bin Haji Ramli di-alamatkan Sekolah Melayu Lela Menchanai Bandar Brunei; Awang Ahmad bin Gafar di-alamatkan Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Brunei dan Awang Abdul Rahman bin Yusof di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

SALAH satu daripada puisi Melayu yang sangat disukai dan terkenal di kalangan masyarakat Melayu sama ada dahulu mau pun sekarang ialah pantun. Pantun telah lahir sejak sa-belum orang2 Melayu mengenal huruf lagi. Pantun merupakan hasil sastera lisan yang telah di-pusakai oleh masyarakat Melayu turun temurun berabad2 lama-nya. Pantun juga dapat di-katakan sa-bagai puisi masyarakat yang di-ketahui oleh sa-tiap golongan dengan tidak payah di-pelajari. Sa-hingga ada orang yang mengatakan; "Orang yang tidak tahu berpantun boleh di-katakan sa-bagai sa-orang yang tidak termasuk dalam golongan masyarakat Melayu."

Di-antara beberapa banyak puisi Melayu, hanya pantun sahaja yang dapat di-anggap sa-bagai satu chiptaan yang bukan di-sador daripada kesusasteraan bangsa asing seperti shaer, gurindam, seloka, sajak dan sa-bagai-nya. Puisi2 ini semua-nya lahir sa-bagai pengarah2 kesusasteraan asing seperti Arab, Parsi, Inggeris dan tidak ketinggalan juga kesusasteraan India. Lantas itu sapatut-nya kita berbangga dengan chiptan kita sendiri ia-itu pantun.

Sa-bagai satu chiptaan Melayu asli, sudah tentu pantun dapat mencherminakan peribadi masyarakat Melayu lama. Pernah Prof. Sutan Takdir Ali Shahbana berkata bahawa; "Puisi lama ada-lah mencherminakan masyarakat lama". Oleh itu pantun sa-bagai puisi lama, amat berguna sekali buat kita mengkaji tentang keadaan masyarakat Melayu dahulu kala, terutama berhubung dengan adat, keperchayaan, kesopanan, jalan berfikir dan jalan hidup mereka. Berhubung dengan pekara ini, pernah dinyatakan oleh R. O. Winstedt, sa-orang ahli sastera bangsa Inggeris yang telah berusaha menyusun dan membukukan kumpulan pantun2 Melayu mengatakan; "Belum-lah di-katakan sudah mengenal jiwa dan jalan berfikir orang2 Melayu sa-kira-nya belum mengenal puisi lama mereka."

Kalau kita mengamati2 isi2 yang terkandung dalam pantun jelas menunjukan bahawa masyarakat Melayu ada-lah satu masyarakat yang mempunyai budi bahasa yang lemah lembut dan mereka sangat menghargai budi bahasa. Banyak di-antara pantun2 Melayu yang menggambarkan kechanteakan budi bahasa di-antara-nya:

Yang lorek itu kendi, selam
Yang merah itu saga;
Yang chantek ia-lah budi;
Yang indah itelah bahasa.

Peranan Pantun dalam masyarakat Melayu dahulu dan sekarang

Oleh: Idris Abdul Ghani, B.A. Dip. of Edu.
S.M.M. Jalan Muara

Gunong Daik di-hujung desa,
Kemunchak tinggi di-awan tenang;
Orang yang baik budi bahasa,
Ka-mana pergi hidup-nya senang.

Memerhati kepada dua rangkap pantun ini, jelas menunjukan bagitu sekali tinggi-nya sanjongan mereka terhadap budi bahasa. Paras yang elok menawan di-anggap chantek pakaian yang chantek tidak di-anggap indah, malah yang paling indah ia-lah budi bahasa. Kalau satu budi itu tidak berbalas ada-lah di-anggap hina, sekurang2-nya kalau orang berbudi kita berbahasa. Berikut saya sebutkan satu pantun Melayu yang sangat2 termashor yang mengesahkan bagaimana besar-nya pengaruh budi kepada orang yang menerima-nya.

Pisang emas di-bawa belayar,
Masak sa-biji di-atas peti;
Hutang emas boleh di-bayar,
Hutang budi di-bawa mati.

Satu lagi janji janji mesti-lah di-tepati. Orang2 Melayu dahulu tidak akan berjanji kalau mereka tidak yakin yang janji itu akan dapat di-tepati, kerana bagi mereka "kata ia-lah kota". Dari pantun jelas menunjukan;

Tinggi bukit gunung senawi,
Tempat berkata berulang siang;
Tegoh2 pegang janji,
Bagai rasok dengan tiang.

Di-samping itu jangan pula lupa, orang Melayu tidak ketinggalan dalam lapangan ekonomi. Mereka mengamalkan-nya tanpa mengetahui bahawa apa yang mereka amalkan itu di-anggap sekarang sa-bagai ilmu ekonomi. Chara ekonomi orang Melayu itu dapat kita pelajari dari pantun seperti;

Demikian-lah beberapa aspek kehidupan masyarakat Melayu lama yang dapat kita pelajari dari pantun. Itu-lah guna pantun bagi kita yang hidup di zaman moden ini, ia-itu untuk mempelajari tentang kehidupan orang dahulu kala-khas-nya dan masyarakat Melayu amnya. Pantun terbahagi kepada beberapa bahagian; ia-itu pantun kanak2, pantun orang muda dan pantun orang tua.

Tikar puchok tikar mengkuang,
Tempat didok raja Melayu;
Ikan busok jangan di-buang,
Buat perenchah si-daun kayu.

Tentu kita tertanya2, kenapa perlu-nya kanak2 berpantun?

Ke-perluan pantun kanak2 ia-lah bagi menunjukan kepada kita sama ada kanak2 itu sedang dalam dukachita atau sukachita. Antara pantun kanak2 yang menggambarkan bersukachita:-

Elok rupa si-kumbang jati,
Di-bawa itek pulang petang;

Tidak terkira besar hati,
Melihat ibu sudah pulang.

Pantun berdukachita pula:-

Merpati terbang ka-jalan,
Ikan berhak makan di-kekarang;

Bonda mati, bapa berjalan,
Melarat anak tinggal sa-orang.

Sementara pantun orang muda pula terbahagi kepada tiga golongan; Pertama-nya ia-lah pantun nasib yang di-dendangkan oleh sa-orang muda yang terkenangkan nasib diri-nya di-perantauan atau kegagalan perchitaan-nya.

Asam pauh dari seberang,
Tumbuh dekat tepi tebat;

Badan jauh di-rantau orang,
Sakit siapa akan mengubat.

Bahagian yang kedua, pantun orang muda ia-lah pantun jenaka:-

Elok jalan ka-kota tua,
Bertimbal jalan berbatang rapat;

Elok kita berbini tua,
Perut kenyang pelajaran dapat.

Manakala bahagian yang ketiga pantun muda mudi yang banyak kita dapati dalam kesusasteraan kita sekarang, sama ada pantun berkenalan, berkaseh sayang, perpisahan, berhiba hati dan sa-bagai-nya.

Pendek kata pantun di-gunakan dalam semua lapangan hidup termasuk-lah pantun orang tua yang di-pakai buat pengajaran dan nasehat, mithal-nya:-

Halmida raja perkasa,
Chuchu kepada bima sakti;

Sa-barang kerja hendak-lah pereksa,

Supaya tidak sesal di-hati.

Asam kandis asam gelugor,
Mari di-bawa di-waktu siang;

Menangis mayat di-dalam kubor,
Teringat diri tidak sembahyang.

Untuk mengetahui pantun yang di-katakan baik, pantun itu mesti-lah terdiri daripada empat baris yang bersajak berselang, Baris yang pertama bersajak dengan baris ketiga dan

baris kedua bersajak dengan ka-empat. Tiap2 baris pula hendak-lah terdiri dari empat perkataan atau lapan hingga dua belas suku kata. Di-samping itu bahagian pembayang hendak-lah sa-boleh-nya menggambarkan apa yang terkadong dalam bahagian isi-nya, bukan sahaja tentang bunyi tetapi juga tentang ma'ana-nya atau lebeh tegas lagi ada perkataan di-antara kedua-nya.

Dengan ini dapat-lah kita katakan, sa-buah pantun yang baik terbit-nya dari satu kejadian mengenai penggubah itu ada-lah berupa pergolakan jiwa-nya yang merinteh dan ini mendorong ia mengarang pantun. Dengan ada-nya pergolakan jiwa yang bagini tentu sekali menghasilkan rangkaian2 pantun yang elok dan tinggi mutu-nya kerana segala rangkaian2 itu terbit-nya dari jiwa-nya sendiri.

Tetapi dalam sastera moden, pantun tidak lagi di-gunakan oleh pengarang2. Ini kerana pengarang2 ingin bebas mengeluarkan buah fikiran masing2 dan tidak mahu kebebasan itu di-sekat oleh bentuk prosa dan puisi yang terikat oleh peratoran dan undang2. Walau bagaimanapun pengarang2 Melayu sekarang menaruh keperchayaan terhadap pantun yang boleh menawan hati pendengar2 dan pembacha dari berbagai peringkat dalam masyarakat Melayu sejak berabad2 lama-nya. Dari itu rasa-nya sangat-lah merugikan puisi lama itu ditinggalkan bagitu sahaja.

Majlis2

Mashuarat Daerah

BANDAR BRUNEI.—Sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara telah diadakan di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pagi hari Khamis lepas.

Mashuarat yang telah di-pengurusikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pg. Hj. Abdul Rahim itu telah meluluskan satu usol yang meminta Kerajaan mengadakan peruntukan wang bagi membina jalan2 kechil di-tanah perkuboran di-Daerah Brunei/Muara.

Usoi itu di-kemukakan oleh Awang Rasit bin Haji Bandul, wakil kawasan Tanjong Nangka dan mendapat pindaan daripada Pengiran Mohamed Samli bin Pengiran Lahab wakil kawasan Pekan Lama.

Majlis itu juga menolak satu usol yang di-kemukakan oleh Awang Saidi bin Bugal wakil kawasan Kilanas yang meminta Kerajaan menaikkan harga padi tempatan daripada harga lama yang di-tetapkan Kerajaan.

Sementara itu Majlis Mashuarat Daerah Temburong juga telah mengadakan sidang bulanan-nya pada hari itu.

Tidak ada usol yang di-bentang dalam sidang tersebut.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

A) PEMBANTU PERKEMBANGAN BAHASA

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah lu-

lus sekurang2-nya Form V atau kelayakan yang sebanding dengan-nya.

b) Mesti - lah mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik dan akan di - kehendaki mengambil satu ujian tentang kechenderongan mereka dalam pekerjaan ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

B) JURU TAIPI

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti - lah orang2 Melayu yang berkelulusan Tingkatan III di-Sekolah Menengah Kerajaan atau yang sebanding dengan-nya.

b) Boleh menaip sa-cheptat 40 perkataan dalam sa-minit.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Mach, 1970.

Sa-bagai

Penyelenggara

Setor Tingkat III

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dan dalam jawatan tetap untuk memenohi jawatan Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Sektor Alat Tulis Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2 Dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI Sekolah Melayu dan telah berkhidmat dengan Kerajaan selama sekurang2-nya 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Februari, 1970.

Sa-bagai Penterjemah dan Pemandu DBP

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

a) PENTERJEMAH

Kelayakan2 Dan Pengalaman:

- a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya.
- b) Mempunyai pengalaman menterjemah sa-kurang2-nya selama tiga tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D3 EB4 — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Calon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sachara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama enam bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Pemohon2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa - bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang calon yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

b) PEMANDU:

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah raayat

D.Y.M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian.

- b) Mesti-lah berumur antara 20 dan 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- c) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 27 Februari, 1970.

Sa-bagai Ketua Jururawat Kesihatan

Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BWI — \$1020 x 40 — 1220. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman. Gaji Pujukan akan di-bayar sekira-nya berhak menurut Peratoran2.

Tempoh Perkhidmatan:

Satu kontrek selama 3 tahun dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:


Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Februari, 1970.

SI-TUYU

oleh: m.salleh ibrahim



Beribu2 orang bersembahyang raya di-masjid2 seluruh negeri

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bersama2 dengan beribu2 orang rakyat baginda telah berangkat ka-masjid Omar Ali Saifuddin untuk menunaikan sembahyang Hari Raya Haji.

Umat Islam di-seluruh negeri Brunei telah merayakan Hari Raya Aidil Adha pada hari Selasa, semalam.

Di-antara pembesar2 negara yang turut serta ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Beribu2 orang umat Islam juga telah menunaikan sembahyang Hari Raya Haji di-Masjid2 di-Tutong, Seria, Kuala Belait dan Temburong.

Persatuan pelumba2 basikal amateur di-tubuhkan

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah persatuan pelumba2 basikal amateur telah di-tubuhkan di-negeri ini.

Mashuarat yang telah diadakan di-Pusat Belia, Bandar Brunei hari Juma'at lepas telah memilih Pemangku Penolong Setia Usaha Kerajaan Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail sa-bagai pengerusi dan Awangku Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu sa-bagai Setia Usaha persatuan yang baru di-tubuhkan itu.

Awangku Haji Mohamed berkata, sa-buah jawatankuasa rendah telah di-tubuhkan untuk mengubal peratoran dan undang2 persatuan itu.

Beliau berkata, tujuan2 utama persatuan itu di-tubuhkan ia-lah untuk memperbaik mutu pelumba2 basikal di-negeri ini.

Sabda Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir

(Dari Muka 5)

sembah peramba kepada Duli Yang Maha Mulia".

Pada mengakhiri-nya beta berharap segala2 laila rakyat dan isi dalam-nya akan memberikan laila kerjasama semata2 ka-arrah kebajikan dan berfaedah yang munafat dan yang berguna kepada negeri dan kerajaan Sultan yang memerintah sa-bagai taras Negeri Brunei Darus-salam.



Gambar atas kelihatan sa-bagian dari beribu2 orang umat Islam sedang meninggalkan Masjid Omar Ali Saifuddin sa-telah menunaikan sembahyang Hari Raya Haji pada hari Selasa semalam.

Sekatan jalan raya di-Jalan Lamunin telah di-kenakan untuk memeriksa orang ramai sama ada mereka mempunyai sijil suntikan bagi mencegah penyakit kolera yang sah sa-belum mereka di-benarkan masuk ka-kampung tersebut.



Pembinaan balai pulis K.B. berjalan lancar

KUALA BELAIT. — Pembinaan kompleks balai pulis di-Kuala Belait sekarang berjalan dengan lancar.

Kompleks itu akan mengandungi sa-buah balai pulis, barak bagi anggota2 yang belum beristeri dan sa-buah kanten.

Seluruh kompleks itu di-anggarkan menelan belanja sa-banyak \$153,714.

Ia-nya di-jadualkan siap pada penghujung bulan Oktober tahun ini.

Kompleks itu ia-lah untuk mengganti yang lama yang telah di-robuhkan.

Sementara itu, kerja menambak pasir di-tapak balai pulis yang di-chadangkan itu di-

lagi.

Kata-nya, jabatan tersebut telah mengenakan pengasingan ka-atas dua buah rumah di-Lamunin. Ini ada-lah berikutan terjuma-nya sa-orang yang mempunyai kuman taun di-rumah keluarga perempuan yang sakit itu. Dia telah diberikan ubat **antibiotic** untuk mematikan kuman penyakit itu.

Juruchakap itu telah menyeru orang ramai yang belum di-suntik, terutama-nya ibu2, supaya bersuntik dengan secepatnya.

Sa-takat ini 123,008 orang telah di-berikan suntikan bagi mencegah penyakit taun.

Juruchakap itu juga menasihatkan orang ramai supaya mengambil langkah2 kesihatan yang ketat.

Sementara itu, Jabatan Pelajaran telah mengumumkan, murid2 dari kampung2 yang di-serang oleh taun yang belajar di-sekolah2 di-luar kawasan kediaman mereka, dan mereka yang di-arahkan supaya berehat di-rumah sejak berlakunya kejadian penyakit itu, ada-lah di-minta melaporkan diri ka-sekolah masing2, apabila ia-nya di-buka pada 19 Februari.

Sungai Liang sekarang sedang di-jalankan.

Kira2 75 peratus dari kerja itu telah di-jalankan menurut jadual.

Balai pulis yang baru itu akan di-bena berhampiran dengan klinik Sungai Liang.

Ia-nya akan mempunyai berek bagi anggota2 pulis yang akan di-tempatkan di-sana.